



# COVID 19 – UAV DRON BANTU TAHAP PEMATUHAN PKP

© 26 Mac 2020



Facebook

0



Twitter

0



WhatsApp

Pelbagai laporan berita menunjukkan bahawa Unmanned Aerial Vehicle (UAV) dron telah memainkan peranan dalam membantu pasukan keselamatan di negara-negara seperti China dan Sepanyol untuk pemantauan dan mengingatkan rakyat supaya kekal berada di rumah sepanjang tempoh kuarantin.

Pembuat dron China, DJI, telah melakukan modifikasi ke atas model dron pertanian mereka supaya dapat melakukan semburan disinfeksi di kawasan yang berpotensi terjejas. Kamera termal yang dipasang pada dron digunakan untuk memantau suhu badan rakyat agar kakitangan perubatan dapat mengenal pasti kes-kes yang

ba  
har  
u.  
Sya  
rika  
t  
DJI  
turut  
ut



memasang dron mereka dengan pembesar suara untuk menyuraikan perhimpunan awam di tempat-tempat yang sesak dan menyampaikan mesej kesihatan. Selain DJI, syarikat [MicroMultiCopter Aero Technology](#) turut mengerahkan dron mereka untuk mengangkut sampel perubatan dan melakukan pengimejan termal.



Sumber gambar : [freemalysiatoday](#)




Sumber gambar : [TheStar](#)

Kerajaan Malaysia melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan turut dibantu oleh Angkatan Tentera

Malaysia (ATM) telah mengumumkan akan menggunakan khidmat dron bagi meningkatkan tahap kepatuhan rakyat kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuat kuasa. Sebelum ini, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang telah memberi penerangan mengenai penggunaan dron di IPD Brickfield, Kuala Lumpur. 12 kawasan berisiko tinggi di seluruh negara telah dikenalpasti bagi tujuan pemantauan dron.




## Artikel/Berita Terkini



### TIM 'TASK FORCE' PEMATUHAN PKPB

Umumnya sedia maklum bahawa, bermula pada 04 Mei 2020, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sepanjang tempoh ...

[Maklumat Lanjut](#)



### TERIMA KASIH 'FRONTLINERS'